



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10 Vol.2 (64)

Tarikh : 15 Jun 2017

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian

Pengarah Jabatan Perikanan Sabah
Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah
Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah
Pengarah Jabatan Muzium Sabah
Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah

Pejabat Daerah Kecil Banggi

PEKELILING BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 9 TAHUN 2017 PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017 KEPADA PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2017 kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang sudah didaftarkan dalam Sistem Upah Harian.

2. LATARBELAKANG

Peraturan pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6/2017 bertarikh 08 Jun 2017. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekelling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

3. KAEDAH PEMBAYARAN

3.1 Pembayaran upah PSH bermula tahun 2017 telah dilaksanakan melalui Sistem Upah Harian dan maklumat berkenaan Pekerja Sambilan Harian (PSH) telah disimpan dalam pangkalan data sistem tersebut. Jadual pembayaran upah bulan Jun 2017 adalah sepatutnya pada minggu kedua bulan Julai 2017. Walau bagaimanapun, bagi meraikan PSH maka BKK 2017 akan dibayar sebelum sambutan Hari Raya. BKK 2017 akan dibayar



PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 9 TAHUN 2017 15 Jun 2017

pada 22 Jun 2017 berpandukan kepada senarai nama PSH yang terdapat dalam Sistem Upah Harian.

- 3.2 Bagi merealisasikan pembayaran BKK 2017 ini pihak jabatan perlu mencetak JBN.04 (KHAS BKK) yang akan disediakan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) dalam Sistem Upah Harian dan boleh dicapai pada 16 Jun 2017. Pihak Ibu Pejabat Jabatan masing-masing perlu membuat pengesahan PSH berkenaan sedang berkhidmat pada tarikh 2 Jun 2017 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6/2017. Sila abaikan pengisian kehadiran PSH dan hanya melengkapkan ruangan bulan dan tahun sahaja.
- 3.3 Selanjutnya pihak jabatan perlu menyediakan Baucar Bayaran Am dan JBN.04 (KHAS BKK) sebagai dokumen sokongan. Tarikh Akhir penghantaran Baucar Bayaran Am JBN.38(Pindaan1/2014) kepada Jabatan Bendahari Negeri pada atau sebelum 20 Jun 2017 untuk memastikan BKK 2017 dapat dibayar pada 22 Jun 2017.

4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 4.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan menyediakan JBN.04 (KHAS BKK) berdasarkan maklumat PSH yang ada dalam pangkalan data Sistem Upah Harian. JBN.04 tersebut perlu disemak bagi pengesahkan Penama PSH yang layak menerima BKK 2017. Borang ini perlu dicetak dan dikepilkan bersama Baucar Bayaran Am. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menyemak dengan meneliti borang tersebut dan memastikan bayaran BKK Tahun 2017 kepada setiap PSH masing-masing adalah teratur dan mematuhi peraturan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6/2017.
- 4.2 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk membayar BKK Tahun 2017 ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon viremen atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 9 TAHUN 2017 15 Jun 2017

5. **PENUTUP**

Sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeling ini hendaklah ditujukan ke Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-272000 atau 088-255628 untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”


(CHUI NGAT NGO)
Bendahari Negeri

JL/NBA



s.k Setiausaha Kerajaan
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
 WISMA Innoprise
 KOTA KINABALU

Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Bangunan PPNS
KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah
Bangunan PPNS
KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Audit Negara
Wisma Kewangan
KOTA KINABALU